

PENGAJARAN REFLEKTIF TERHADAP PERKEMBANGAN PROFESIONALISME GURU DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

REFLECTIVE TEACHING ON THE DEVELOPMENT OF TEACHER PROFESIONALISM IN CHINESE PRIMARY SCHOOL SOUTHWEST DISTRICT, PENANG

Lim Chai Yean¹
Mohd. Yusoff Mohd. Nor²

¹Falkuti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (Email: p105597@siswa.ukm.edu.my)

²Falkuti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia, (Email: yusoff1963@ukm.edu.my)

Article history

Received date : 13-11-2021

Revised date : 14-11-2021

Accepted date : 22-12-2021

Published date : 23-12-2021

To cite this document:

Yean, L. C., & Mohd Nor, M. Y. (2021). Pengajaran Reflektif Terhadap Perkembangan Profesionalisme Guru Di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(13), 70 - 84.

Abstrak: *Pengajaran reflektif, pembelajaran profesional dan pencapaian peribadi dapat dipertingkatkan melalui kerjasama dan berdialog dengan rakan sekerja. Pengajaran reflektif adalah perkara yang perlu dikuasai oleh guru kerana ia memerlukan unsur-unsur kognitif dan afektif yang diperlukan dalam mengaplikasikan amalan ini. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji pengajaran reflektif terhadap perkembangan profesionalisme guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Responden kajian ini seramai 240 orang yang terdiri di kalangan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Metodologi yang digunakan ialah pendekatan kualitatif dengan menggunakan instrumen yang berbentuk soal selidik telah digunakan dalam kajian ini bagi melihat maklum balas responden dari SJK C daerah Barat Daya. Kajian dilakukan berpandukan teori Model Reflektif Wallace (1991) telah digunakan menjadi kerangka konsep utama bagi kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min adalah tinggi (4.47) dalam aspek perkembangan profesionalisme guru di sekolah. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan dari segi dimensi utama pengajaran reflektif yang menyumbang kepada perkembangan profesionalisme guru. Hasil daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan tentang pangajaran reflektif kepada perkembangan profesionalisme guru. Pengajaran reflektif harus berada dalam proses penambahbaikan dan pelaksanaan dalam perkembangan profesionalisme guru.*

Kata kunci: *pengajaran reflektif, perkembangan profesionalisme guru, pengetahuan, kemahiran*

Abstract : *Reflective teaching, professional learning and personal achievement can be enhanced through collaboration and dialogue with colleagues. Reflective teaching is something that teachers need to master as it requires the cognitive and affective elements needed in applying this practice. The purpose of the study was to examine the reflective teaching on the development of teacher professionalism in Chinese National Type Schools in Southwest district, Penang. The respondents of this study were 240 people from the Chinese National Type School in the Southwest district, Penang.*

The methodology used is a qualitative approach by using an instrument in the form of a questionnaire was used in this study to see the feedback of respondents from SJK C Southwest district. The study was conducted based on the theory of Wallace's Reflective Model (1991) has been used as the main conceptual framework for this study. The findings of the study showed that the mean score was high (4.47) in terms of the development of teacher professionalism in schools. This suggests that there is a relationship in terms of key dimensions of reflective teaching that contribute to the development of teacher professionalism. The results of this study can be concluded that there is a relationship of reflective teaching to the development of teacher professionalism. Reflective teaching should be in the process of improvement and implementation in the development of teacher professionalism.

Keywords: *Reflective teaching, teacher professionalism, knowledge, skills*

Pengenalan

Proses pengembangan profesionalisme guru mempunyai kesan penting dan positif terhadap amalan dan kepercayaan guru, pembelajaran pelajar dan pelaksanaan reformasi pendidikan. Oleh itu, salah satu tujuan utama pengembangan pembangunan profesionalisme guru di sekolah adalah untuk meningkatkan kualiti pengajaran di sekolah.

Pengurusan bilik darjah adalah aspek penting dalam membentuk perkembangan profesional, terutama dalam pengajaran dan guru membentuk perkembangan dan kemampuan belajar pelajar. Guru pakar yang cekap akan menunjukkan profesionalisme keguruan yang cemerlang di dalam kelas. Pengurusan bilik darjah mempunyai pengaruh yang besar terhadap perkembangan profesionalisasi guru. Dunia kelas bukan sahaja mencabar dan memperkuat profesionalisasi guru, tetapi juga memberikan prospek yang ideal dan unggul untuk perkembangan profesionalisasi guru.

Idea reflektif pada hakikatnya bagi memudahkan guru belajar dari kesilapan, kejayaan dan kegagalan mereka, memaju dan memperkembangkan diri mereka dengan lebih lanjut. Tujuan perkembangan bagi mempertingkatkan kesedaran guru dan menghasikan perubahan dalam kelakuan dan sikap. Reflektif juga dianggap sebagai komponen utama dalam perkembangan sendiri individu. Kepentingan siasatan diri dan pemikiran kritikal dapat membantu guru bergerak dari satu peringkat mereka dipimpin oleh bisikan hati, intuisi dan rutin, kepada satu peringkat tindakan mereka dipimpin oleh reflektif dan pemikiran kritikal.

Reflektif kritikal merujuk satu aktiviti atau proses supaya pengalaman diingat kembali, dipertimbang dan dinilai berkaitan dengan tujuan yang lebih luas. Justeru reflektif adalah maklum balas kepada pengalaman yang lalu dan melibatkan ingatan kembali secara sedar dan pemeriksaan pengalaman itu sebagai asas bagi penilaian dan membuat keputusan dan juga sebagai sumber merancang tindakan.

Pernyataan Masalah

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan langkah transformasi pendidikan Malaysia. Rancangan ini melibatkan perubahan secara besar-besaran dan memerlukan guru menjadi ejen yang membantu meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia. Guru adalah salah satu faktor utama yang membantu proses perubahan yang berlaku sekarang, tetapi jika tahap kualiti dan profesional guru berada pada tahap yang rendah, ia akan memperlambat dan memperlambatkan perubahan. Oleh itu, pendidikan memang sentiasa berada dalam persekitaran yang dinamik dan sentiasa berubah serta akan mempengaruhi profesionalisme guru (Yusuf Ahmad, 2008).

Tinjauan ini untuk melihat sama ada pengajaran reflektif mempunyai hubung kait dengan perkembangan profesionalisme guru. Pengajaran reflektif yang berkesan jelas terbukti mampu menjana perkembangan profesionalisme guru. Justeru, pentadbiran di sekolah dan daerah perlu tahu dahulu keperluan guru dalam pengajaran reflektif bagi perkembangan profesional guru.

Perkembangan professionalisme guru mestilah ditujukan kepada keperluan dan keprihatinan guru-guru bagi setiap tahap kepakaran guru yang berbeza-beza. Ia dapat membantu usaha para guru dalam penyediaan dan pelaksanaan serta penyumbangan ke arah keberkesanan program pendidikan untuk para pelajar di sekolah. Dengan cara ini, pelbagai idea baru dapat dikemukakan seperti menetapkan matlamat pengajaran, keberkesanan inovasi dan mewujudkan penambahbaikan. Kajian lepas telah memperakui bahawa pentingnya pelajar melibatkan diri secara aktif dalam pengajaran reflektif kerana melaluinya bakal guru dapat menggambarkan pelbagai pengalaman dengan lebih berjaya.

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini berfokuskan kepada soal selidik yang dijalankan oleh guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Penyelidik merasakan pentingnya mengenal pasti tahap pengajaran reflektif guru untuk mengetahui adakah guru-guru memiliki tahap pengajaran reflektif yang tertentu. Dalam kajian ini, penyelidik cuba melihat bagaimana kesan pengajaran reflektif terhadap perkembangan profesionalisme guru. Oleh itu, melalui kajian ini, penyelidik akan mengenalpasti kesan pengajaran reflektif terhadap perkembangan profesional guru.

Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk mengetahui hubungan pengajaran reflektif dengan perkembangan profesionalisme guru oleh guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan daerah Barat Daya di Pulau Pinang dengan menggunakan Teori Refleksi Gibbs (1988) dan Model Reflektif Wallance (1991).

Pengajaran Reflektif

Fahaman tentang pengajaran reflektif berpunca dari Dewey (1933) yang memperkenalkan konsep reflektif. Aktiviti reflektif berlaku apabila individu itu menghadapi situasi yang membingungkan dan mengelisahkan sebelum situasi itu menjadi jelas, dipersatukan dan diselesaikan. Pengajaran reflektif menyifatkan keutamaan aktif yang mempunyai matlamat dan akibat, begitu juga cara dan keberkesanan teknik. Pengajaran reflektif diaplikasikan dalam proses yang berkisar atau yang berlingkar, ini bermakna guru mengawas, menilai dan menyemak amalan mereka secara berterusan. Pengajaran reflektif memerlukan kecekapan dalam cara-cara siasatan kelas bagi menyokong perkembangan kecekapan mengajar.

Pengajaran reflektif memerlukan sikap yang terbuka, bertanggungjawab dan tanpa ragu-ragu. Pengajaran reflektif diasaskan pertimbangan guru, yang dimaklumkan sebahagian oleh reflektif sendiri dan sebahagian oleh celik akal daripada peraturan pendidikan. Pengajaran reflektif, pembelajaran profesional dan pencapaian peribadi dapat dipertingkatkan melalui kerjasama dan berdialog dengan rakan sekerja. Pengajaran reflektif adalah perkara yang perlu dikuasai oleh guru kerana ia memerlukan, unsur-unsur kognitif dan afektif yang diperlukan dalam mengaplikasikan amalan ini.

Perkembangan Profesionalisme Guru

Pembangunan profesionalisme adalah merupakan aktiviti latihan dalam perkhidmatan untuk pendidik meningkatkan pembelajaran murid dengan melibatkan diri dalam satu aktiviti dan proses yang dirancang bagi memperkaya serta mengembangkan kemahiran

pengetahuan profesionalisme mereka. Pembangunan profesionalisme ini amat penting kerana kerjaya ini dianggap sebagai profesion yang sukar dan kritikal (Sabbah et al.,2020).

Perkembangan profesionalisme guru mempunyai definisi yang berbeza. Joyce dan Showers (2008) telah mendefinisikannya sebagai penyediaan latihan formal dan tidak formal bagi peningkatan kebolehan seseorang guru, orang berpendidikan dan mereka yang terlibat dalam pekerjaan yang berkaitan. Gall dan Renchler (1985) menjelaskan bahawa pengembangan profesional cenderung meningkatkan kemampuan guru untuk menjadi guru yang cemerlang dengan memberikan pengetahuan, kemahiran dan nilai baru kepada guru. Di samping itu, Fullan (1995) mendapati bahawa pengembangan profesionalisme adalah satu siri pembelajaran formal dan tidak formal yang dialami dan dialami oleh guru untuk menyeimbangkan persekitaran pembelajaran yang kompleks dan berubah.

Menurut Fullan, Hill dan Crevola (2006) perkembangan profesionalisme lebih menepati kehendak masa kini. Mereka telah mula menggunakan perkataan “pembelajaran profesional” yang merujuk kepada pembelajaran harian guru secara individu dan kolaboratif yang berterusan dan berfokus. Day (1999) serta Day, Elliot dan Kingston (2005) juga mendefinisikan bahawa perkembangan profesionalisme melibatkan pengalaman pembelajaran semulajadi dan semua aktiviti yang dirancang secara langsung dan tidak langsung bagi manfaat pelajar dan sekolah bagi meningkatkan kualiti pendidikan dalam bilik darjah.

Perkembangan profesionalisme merupakan satu proses penambahbaikan guru membuat refleksi, memperbaharui dan meningkatkan komitmen mereka sebagai agen perubahan dalam pendidikan ataupun di sekolah. Usaha ini diwujudkan menerusi peningkatan pengetahuan, kemahiran dan nilai bagi membentuk pemikiran, perancangan dan amalan yang berkesan dalam P&P para guru.

Kajian Literatur

Menurut Martinis Yamin, 2007, profesional adalah seseorang yang mendapat upah atau gaji dari apa yang ditugaskan dengan tugas secara sempurna. Pekerjaan profesional ini berasaskan dengan suatu ilmu tertentu secara mendalam dan hanya mungkin diperoleh dari lembaga pendidikan yang sesuai sehingga prestasinya berdasarkan kepada keilmuan yang dimilikinya yang dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah (Wina Sanjaya, 2008). Dengan itu, seseorang guru perlu memiliki kemampuan yang lebih khusus dan tidak mungkin dimiliki oleh seseorang yang bukan guru “a teacher is person charged with the responsibility of helping others to learn and to behave in new different ways” (Cooper, 1990).

Guru-guru berpendapat bahawa pembangunan profesionalisme berterusan adalah penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran (Rusliza et al.,2017). Pernyataan ini disokong oleh Alias (2017), guru-guru perlu meningkatkan kualiti diri dari semasa ke semasa dengan mengikuti pembangunan profesionalisme guru. Guru yang berkualiti mestilah sentiasa peka dengan setiap perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara.

Menteri Pendidikan Malaysia Dr Radzi Jidin (2021) dalam temubualnya bersama rancangan Bual Bicara Khas Hari Guru bersama Menteri Kanan Pendidikan menyatakan penyediaan kaedah pendigitilan dalam menyampaikan pengajaran memerlukan dasar yang cukup luas bagi membolehkan persediaan latihan struktur kompetensi dapat ditingkatkan. Guru perlu mendapat peluang belajar dan mengambil inisiatif dalam menambah baik pengetahuan dan kemahiran digital untuk menyampaikan ilmu yang dimiliki. Mazura dan Wak Chu Wok (2018)

menyatakan sebanyak 80% guru di sekolah tidak mempunyai pengetahuan yang baik tentang Pdpc terbeza. Hal ini juga menandakan bahawa guru menghadapi cabaran dalam meningkatkan pengetahuan dan kompetensi mereka dengan pendekatan pengajaran berbeza.

Guru adalah penting kepada sistem pendidikan yang di mana mereka merupakan pelaksana bagi segala dasar dan matlamat kurikulum yang telah disediakan oleh pihak kerajaan atau kementerian pendidikan. Dengan ketiada penglibatan dan sokongan guru-guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan akan terdampar begitu sahaja. Oleh itu, kualiti bidang perguruan dapat menjamin kegemilangan sesebuah negara maju. Guru merupakan pelaksana kurikulum dan menjadi teras dalam penentuan piawaian, mutu dan keberkesanan dalam sistem pendidikan negara. Pendidikan merupakan satu proses penyampaian ilmu pengetahuan dan pelbagai kemahiran kepada satu generasi kepada satu generasi yang lain (Othman, 2007).

Namun demikian, ketidakwujudan satu piawai yang kompetensi dalam bidang perguruan dan program pendidikan guru sebagai panduan di negara kita, maka tertimbullah masalah perkhidmatan, tekanan kerja, konflik peranan, kekaburan peranan, ketiadaan sokongan sosial dari pihak pentadbir atau rakan sekerja (Ibrahim, 2001). Refeksi tidak hanya diperlukan guru yang sudah mengajar tapi juga calon guru atau mahasiswa yang masih belajar di kelas (Budiman, 2017).

Dewey (1933) percaya bahawa "pembelajaran bergantung pada integrasi antara pengalaman dan refleksi, teori dan praktik." Oleh itu, pemikiran reflektif mendorong pendidik untuk bertindak secara sengaja, di luar kebutaan dan naluri. Jika kemampuan refleksi ditanamkan kepada calon guru sejak mereka masih menjadi mahasiswa, ketika mereka menjadi guru akan lebih mudah menerapkan dan mengajarkan refleksi dan mampu mengajar murid dalam pembelajaran yang melibatkan eksplorasi kreatif dan analisis kritis (Rodgers & LaBoskey, 2016)

Schon (1983) pula memperkembangkan pandangan reflektif Dewey. Beliau mencadangkan ahli professional perlu memikir, merangka dan merangka semula masalah kompleks yang mereka hadapi dan mengubah suai tindakan mereka dengan sewajarnya. Schon (1983) menyatakan pengamal reflektif yang sebenar perlu menokok tambah kecekapan teknikal dengan celik akal peribadi dan kemahiran seni. Malah, amalan reflektif juga dikatakan berlaku sepanjang proses mengajar dan menjadi aspek penting dalam proses itu. Nitce Isa Medina dan Mai Shihah (2017) telah melakukan perbandingan kaedah pembelajaran tradisional berpusatkan guru dan pembelajaran berpusatkan pelajar menggunakan kaedah berasaskan projek.

Dapatan kajian menunjukkan sampel kumpulan kaedah berasaskan projek mampu mengurus pembelajaran mereka sendiri dan menggunakan kaedah pembelajaran sendiri walaupun hanya dengan bantuan rakan-rakan. Tidak dinafikan pembelajaran berpusatkan guru masih kekal relevan kerana dapat meningkatkan penguasaan kefahaman pelajar dengan mudah. Tambahan, kaedah berasaskan projek yang dihasilkan dilihat berjaya kerana memerlukan sampel kajian bersikap lebih berdikari dalam mencari maklumat dan memahami konsep melalui artifak.

Sebagai guru, guru perlu memahami apa yang perlu diajar dan bagaimana mengajar. Kedua, anda perlu mempunyai pengetahuan asas, termasuk pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogi umum, pengetahuan kurikulum, pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan pelajar, pengetahuan latar belakang pendidikan, serta tujuan, nilai, dan pengetahuan falsafah.

Oleh kerana guru mungkin tidak dapat memperoleh pengetahuan di atas semasa belajar di institusi pendidikan atau universiti, kebanyakan guru memperoleh pengetahuan melalui latihan semasa mereka berkhidmat. Guru telah melaporkan banyak hasil positif setelah mengikuti program pengembangan profesional. Mereka telah mengubah dan meningkatkan pengetahuan dan kaedah pengajaran mereka.

Definisi dan Konsep Amalan Pengajaran Reflektif dan Perkembangan Profesionalisme Guru

Dewey (1933) menyatakan tiga sikap berikut diperlukan dalam pengajaran reflektif, iaitu keterbukaan, bertanggungjawab dan yakin. Sikap keterbukaan yang dinyatakan oleh Dewey adalah keupayaan guru memeriksa masalah mengajar dari pelbagai perspektif. Guru perlu mendengar dari pelbagai pihak, mengambil peduli kepada kenyataan dari sebarang sumber yang diperoleh, memberi tumpuan kepada pelbagai kemungkinan dan memastikan sebarang kesilapan kepada kepercayaan yang dihargai oleh kita. Memiliki sikap ini bermaksud kita perlu bersiap sedia membuat reflektif pada diri sendiri dan mencabar andaian, prejudis dan ideologi kita begitu juga yang dimiliki oleh orang lain.

Sikap kedua yang dinyatakan oleh Dewey (1933) adalah tanggungjawab. Oleh kerana perhubungan di antara sekolah dan konteks sosial, politik dan ekonomi di mana ia wujud adalah begitu erat, guru perlu sedar tindakannya dalam bilik darjah mempunyai tanggungjawab yang besar. Ini bermakna guru perlu mengenali dan memahami apa-apa yang mereka lakukan dalam bilik darjah dan mengapa mereka bertindak sedemikian. Setiap tindakan guru mesti diambil kira dalam lingkungan isu moral, etika dan politik. Hal ini supaya guru dapat membuat pertimbangan profesional dan peribadi yang bermanfaat kepada pelajar khususnya dan kepada masyarakat umumnya.

Guru juga perlu yakin dalam menjalankan tugasnya. Menurut Dewey, guru reflektif perlu berdedikasi, bermatlamat, cergas, dan bersemangat. Ini bermakna guru menjadi lebih komited apabila terlibat dalam amalan reflektif kerana pengajaran reflektif memerlukan komitmen jangka panjang daripada guru. Ketiga-tiga sikap ini adalah ramuan yang perlu sebagai komitmen profesional yang perlu didemonstrasikan oleh mereka yang mahu menjadi guru reflektif.

Program Perkembangan Profesional Guru

Rancangan pengembangan kerjaya terbaik untuk guru adalah memberi peluang untuk mengembangkan pengetahuan dan kemahiran. Di samping itu, komuniti pembelajaran guru profesional yang merangkumi semua guru di sekolah perlu dibentuk dan diperkukuhkan. Memberi dan menyokong peranan guru sebagai pemimpin dan mendorong mereka untuk mengambil bahagian dalam pembangunan seluruh sekolah. Rancangan pengembangan profesional guru juga memerlukan penilaian, penambahbaikan, dan refleksi yang berterusan untuk memastikan kesan baik terhadap kecekapan guru, pembelajaran pelajar, kepemimpinan, dan warga sekolah. Program pembangunan profesionalisme guru telah digubal dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2013-2025 untuk meningkatkan profesion keguruan menerusi peningkatan kualiti, kerjaya dan kebajikan guru (KPM 2020).

Rancangan pengembangan profesional mendorong aktiviti "bimbingan individu", memberi maklum balas mengenai amalan pengajaran baru, memberi peluang kepada guru untuk melabur dan mengambil bahagian dalam rancangan pengembangan profesional, menyokong kaedah inkuiri untuk menyelesaikan masalah pengajaran guru, dan membantu guru membina pengetahuan asas untuk mencapai keberkesanan hasil.

Sebagai guru, guru perlu memahami apa yang perlu diajar dan bagaimana mengajar. Kedua, anda perlu memiliki pengetahuan asas, termasuk pengetahuan pedagogi kandungan, pengetahuan pedagogi secara umum, pengetahuan mengenai kurikulum, pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pelajar, pengetahuan latar belakang pendidikan, serta motif, nilai, dan pengetahuan falsafah.

Oleh kerana guru mungkin tidak dapat memperoleh pengetahuan di atas semasa belajar di institut pendidikan atau universiti, ramai guru memperoleh pengetahuan melalui latihan semasa mereka berkhidmat. Guru telah melaporkan banyak hasil positif setelah mengikuti program pengembangan profesional. Mereka telah mengubah dan meningkatkan pengetahuan dan kaedah PdPc mereka.

Kerangka Teori & Model

Kerangka teori yang digunakan dalam kertas ini ialah teori refleksi Gibbs, (1988) yang dinyatakan bahawa terdapat enam tahap refleksi, iaitu:

Tahap 1: Huraikan (apa yang berlaku?)

Tahap 2: Perasaan (apa yang anda fikirkan atau rasakan?)


Tahap 3: Penilaian (sama ada itu baik atau buruk?)

Tahap 4: Analisis (Apa yang anda rasakan dari situasi Apa?)

Tahap 5: Kesimpulan (Apa yang boleh anda lakukan?)

Tahap 6: Tindakan (Sekiranya ia berlaku, apa yang boleh anda lakukan?).

Teori ini memperlakukan pengetahuan sebagai hasil proses transformasi pengalaman. Kombinasi pemahaman dan transformasi pengalaman akan memberikan input baru dan akan dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti jenis keperibadian, latar belakang pendidikan, dan kerjaya yang dikejar.



Rajah 1: Reflective Cycle

Sumber: Model Reflective Wallance 1991

Model yang digunakan dalam kertas ini ialah The Reflective Practice Model (Wallance 1991) akan digunakan. Model ini adalah kaedah yang berkesan untuk meningkatkan diri dan sekolah. Refleksi di sekolah didasarkan pada konsep bahawa profesional harus menjadi pengamal refleksi agar dapat terus mengambil bahagian dalam pengembangan profesionalisme.

Dalam model ini, pengetahuan seperti teori pendidikan, pengurusan, input membaca, latihan atau pakar rujukan dalam bidang pendidikan (pengetahuan yang diterima) berinteraksi dengan pengetahuan yang diperoleh melalui refleksi pengalaman praktikal (pengetahuan pengalaman).

Ia bukan hanya mencerminkan pengalaman masa lalu, tetapi gabungan pengalaman semasa latihan dan pengalaman praktikal yang dialami oleh peserta dalam melaksanakan tugas.

Metodologi

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji pengajaran reflektif terhadap perkembangan profesionalisme guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Hanya guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Barat Daya, Pulau Pinang yang terlibat dalam kajian ini. Penyelidikan ini adalah kajian deskriptif, yang bertujuan untuk mengumpulkan maklumat terperinci mengenai pengajaran reflektif perkembangan profesional guru di sekolah etnik Cina di daerah barat daya Pulau Pinang. Dalam kes ini, pelbagai maklumat yang diperolehi akan dapat menggambarkan dengan jelas pengaruh pengajaran reflektif guru terhadap perkembangan profesional guru.

Dalam kajian ini, penyelidik memilih alat kajian dalam bentuk soal selidik dalam bentuk Google Form. Melakukan soal selidik dengan betul dan teliti akan membantu meningkatkan jumlah maklum balas dan mempermudah kesimpulan dan analisis semua data yang dikumpulkan. Kajian ini dijalankan di semua Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Jumlah keseluruhan populasi ialah seramai 286 orang. Pemilihan sampel di buat secara rawak mudah dan terdiri daripada guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya adalah seramai 240 orang. Instrumen kajian adalah alat yang digunakan untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Semasa menjalankan penyelidikan ini, dua jenis data diperlukan dalam proses menyelesaikan penyelidikan ini, iaitu data primer dan data sekunder.

Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian seperti berikut:

- i. Bahagian A - Data demografi responden
- ii. Bahagian B - Aspek pengetahuan terhadap pengajaran reflektif
- iii. Bahagian C - Aspek kemahiran menggunakan pengajaran reflektif dalam kelas
- iv. Bahagian D - Aspek pengetahuan tentang perkembangan profesionalisme guru
- v. Bahagian E - Aspek perkembangan profesionalisme guru dalam sekolah

Item-item dalam Bahagian B, C dan D bertujuan untuk mengumpul data berkaitan tahap kesediaan guru pelatih bagi setiap aspek. Untuk memudahkan responden memberi maklum balas tentang tahap pengetahuan mereka, penyelidik menggunakan skala likert seperti berikut:

Jadual 1: Skala Likert yang digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan

Kategori	Skala
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Sederhana Setuju	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

Data yang dikumpulkan dikodkan dan dianalisis menggunakan program Statistical for Social Sciences (SPSS) 22.0. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data berkenaan demografi dan hubungan pengajaran reflektif terhadap perkembangan profesionalisme guru. Manakala, analisis inferensi menganalisis data bagi mengenal pasti hubungan antara pengajaran reflektif dan perkembangan profesionalisme guru. Analisis telah dijalankan bagi menjawab persoalan kajian tentang

pengajaran reflektif dan perkembangan profesionalisme guru berdasarkan pengetahuan serta pengalaman mengajar guru-guru.

Dapatan Dan Perbincangan

Bahagian ini memaparkan hasil analisis data kajian yang meliputi profil responden serta dapatan kajian berdasarkan persoalan-persoalan kajian iaitu khususnya untuk mengetahui tahap pengajaran reflektif terhadap perkembangan profesionalisme guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Kajian ini melibatkan 240 orang responden iaitu guru-guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Pengkaji menganalisis profil demografi berdasarkan maklumat data yang diperolehi daripada bahagian A dalam borang soal selidik. Bahagian pertama set soal selidik ini berkaitan demografi responden yang mengandungi 4 item untuk mendapatkan data tentang maklumat diri responden. Ia terdiri daripada aspek jantina, umur, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja.

Seramai 48 responden lelaki iaitu 20 % dan 192 responden selebihnya merupakan responden perempuan dengan peratusan 80 % telah terlibat dengan kajian ini. Berdasarkan data demografi jantina didapati bahawa bilangan responden perempuan melebihi dan lebih ramai berbanding responden lelaki. Ini bermakna jumlah guru-guru perempuan adalah lebih besar jumlahnya daripada jumlah guru-guru lelaki di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Jadual 2: Demografi responden

Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	48	20
Perempuan	192	80
Jumlah	240	100
Umur		
20-24 tahun	50	20.83
25-34 tahun	55	22.92
35-44 tahun	85	35.42
45-54 tahun	30	12.5
55 ke atas	20	8.33
Jumlah	240	100
Tahap pendidikan		
Diploma	48	20
Degree	96	40
Sarjana Muda	96	40
Jumlah	240	100
Pengalaman Bekerja		
0-10 tahun	60	25
11-20 tahun	125	52.09
21-30 tahun	31	12.91
31 tahun ke atas	24	10
Jumlah	240	100

Tahap Kesiediaan Pengajaran Reflektif Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya

Jadual 3: Tahap kesiediaan pengajaran reflektif guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya

Bahagian B Item		Sangat tidak setuju (1)	Tidak setuju (2)	Sederhana setuju (3)	Setuju (4)	Sangat setuju (5)	Min	Interpretasi
1.	Saya mengutamakan tujuan dan kesan serta keberkesanan teknikal.	-	-	-	173 (72.08%)	67 (27.92%)	4.28	Tinggi
2.	Saya memberikan cadangan-cadangan baru dalam pengubalan kurikulum baru	-	-	28 (11.67%)	172 (71.66%)	40 (16.67%)	4.05	Tinggi
3.	Guru memainkan peranan aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.	-	-	34 (14.17%)	165 (68.75%)	41 (17.08%)	4.03	Tinggi
4.	Sikap minda keterbukaan, tanggungjawab dan kesungguhan hati.	-	-	14 (5.83%)	185 (77.09%)	41 (17.08%)	4.11	Tinggi
5.	Pengajaran reflektif berkaitan dengan pengalaman sedia ada.	-	-	-	203 (84.58%)	37 (15.42%)	4.15	Tinggi
	Tahap kesiediaan pengajaran reflektif guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya						4.12	Tinggi

Item yang menunjukkan min yang tertinggi ialah item pertama iaitu “Saya mengutamakan tujuan dan kesan serta keberkesanan teknikal” dengan nilai min 4.28. Item yang menunjukkan nilai min yang terendah pula ialah item ketiga iaitu “Guru memainkan peranan aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran” dengan nilai min 4.03. Semakin tinggi nilai min yang diperolehi semakin tinggi tahap kesiediaan pengajaran reflektif guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya. Rumusnya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan program perkembangan profesionalisme guru di sekolah berprestasi tinggi dan berprestasi rendah sangat memuaskan bagi meningkatkan kompetensi mereka. Melalui nilai min keseluruhan item soalan bahagian ini jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap kesiediaan pengajaran reflektif guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.12.

Tahap Perkembangan Profesionalisme Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya

Jadual 4: Tahap perkembangan profesionalisme guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya

Bahagian C Item		Sangat tidak setuju (1)	Tidak setuju (2)	Sederhana setuju (3)	Setuju (4)	Sangat setuju (5)	Min	Interpretasi
1.	Saya memilih masalah utama untuk diselesaikan	-	-	-	222 (92.5%)	18 (7.5%)	4.08	Tinggi
2.	Saya merancang pelaksanaan dan mengumpulkan maklumat	-	-	21 (8.75%)	132 (55%)	87 (36.25%)	4.28	Tinggi
3.	Saya membuat analisis dan menilai data	-	-	24 (10%)	114 (47.5%)	102 (42.5%)	4.33	Tinggi
4.	Renungan kembali reflektif	-	-	-	140 (58.33%)	100 (41.67%)	4.42	Tinggi
5.	Saya membuat pengajaran reflektif dengan perancangan tindakan baru	-	-	-	103 (42.9%)	137 (57.1%)	4.58	Tinggi
	Saya membuat pengajaran reflektif dengan perancangan tindakan baru	-	-	-	103 (42.9%)	137 (57.1%)	4.58	Tinggi

Item yang menunjukkan min yang tertinggi ialah item kelima iaitu “Saya membuat pengajaran reflektif dengan perancangan tindakan baru” dengan nilai min 4.58. Item yang menunjukkan nilai min yang terendah pula ialah item pertama iaitu “Saya memilih masalah utama untuk diselesaikan” dengan nilai min 4.08. Semakin tinggi nilai min yang diperolehi semakin tinggi tahap perkembangan profesionalisme guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya. Melalui nilai min keseluruhan item soalan bahagian ini jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap perkembangan profesionalisme guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.34.

Hubungan di antara Pengajaran Reflektif dan Perkembangan Profesionalisme Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya

Jadual 5: Hubungan di antara pengajaran reflektif dan perkembangan profesionalisme guru

Bahagian D Item		Sangat tidak setuju (1)	Tidak setuju (2)	Sederhana setuju (3)	Setuju (4)	Sangat setuju (5)	Min	Interpretasi
1.	Sukatan mata pelajaran diajar dengan baik	-	-	14 (5.83%)	165 (68.75%)	61 (25.42%)	4.20	Tinggi
2.	Bersedia menerima tanggungjawab	-	-	48 (20%)	132 (55%)	60 (25%)	4.05	Tinggi
3.	Aplikasi teknologi dalam PdPc	-	-	-	165 (68.75%)	75 (31.25%)	4.31	Tinggi
4.	Menilai penyelesaian secara kritis dan kreatif	-	-	-	173 (72.08%)	67 (27.92%)	4.28	Tinggi
5.	Mempelbagaikan kaedah PdPc untuk menarik minat murid	-	-	-	93 (38.8%)	147 (61.2%)	4.61	Tinggi
	Hubungan di antara pengajaran reflektif dan perkembangan profesionalisme guru						4.29	Tinggi

Item yang menunjukkan min yang tertinggi ialah item kelima iaitu “Mempelbagaikan kaedah PdPc untuk menarik minat murid” dengan nilai min 4.61. Item yang menunjukkan nilai min yang terendah pula ialah item kedua iaitu “Bersedia menerima tanggungjawab” dengan nilai min 4.05. Semakin tinggi nilai min yang diperolehi semakin tinggi hubungan di antara pengajaran reflektif dan perkembangan profesionalisme guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya. Melalui nilai min keseluruhan item soalan bahagian ini jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya hubungan di antara pengajaran reflektif dan perkembangan profesionalisme guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.29.

Dimensi utama Pengajaran Reflektif yang menyumbang kepada Perkembangan Profesionalisme Guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina daerah Barat Daya

Jadual 6: Diemensi utama pengajaran reflektif yang menyumbang kepada perkembangan profesionalisme guru

Bahagian E Item		Sangat tidak setuju (1)	Tidak setuju (2)	Sederhana setuju (3)	Setuju (4)	Sangat setuju (5)	Min	Interpretasi
1.	Membentuk generasi yang kompeten	-	-	-	173 (72.08%)	67 (27.92%)	4.28	Tinggi
2.	Menerapkan elemen kepimpinan dalam proses PdPc	-	-	-	120 (50%)	120 (50%)	4.5	Tinggi
3.	Hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid	-	-	-	222 (92.5%)	18 (7.5%)	4.08	Tinggi
4.	Membaiki dan mengubahsuai perancangan, kaedah dan teknik mengajar	-	-	-	105 (43.75%)	135 (56.25%)	4.56	Tinggi
5.	Menjadi guru yang lebih yakin	-	-	-	18 (7.50%)	222 (92.50%)	4.93	Tinggi
	Diemensi utama pengajaran reflektif yang menyumbang kepada perkembangan profesionalisme guru						4.47	Tinggi

Item yang menunjukkan min yang tertinggi ialah item kelima iaitu “Menjadi guru yang lebih yakin” dengan nilai min 4.93. Item yang menunjukkan nilai min yang terendah pula ialah item ketiga iaitu “hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid” dengan nilai min 4.08. Semakin tinggi nilai min yang diperolehi semakin tinggi dimensi utama pengajaran reflektif yang menyumbang kepada perkembangan profesionalisme guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya. Melalui nilai min keseluruhan item soalan bahagian ini jelas menunjukkan bahawa secara keseluruhannya dimensi utama pengajaran reflektif yang menyumbang kepada perkembangan profesionalisme guru di sekolah jenis kebangsaan Cina daerah Barat Daya berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min sebanyak 4.47.

Kesimpulan dan Cadangan

Secara umumnya, dapat dirumuskan bahawa item-item yang disoalkan terdapat hubungannya pengajaran reflektif terhadap perkembangan profesionalisme guru. Justeru, kriteria yang berkualiti dapat menghasilkan persediaan pengajaran reflektif yang berkualiti. Oleh itu, pengajaran reflektif harus berada dalam proses penambahbaikan dan pelaksanaan dalam pendidikan ia merupakan pengajaran penting kepada murid sekolah rendah mahupun sekolah menengah bagi perkembangan profesionalisme guru di sekolah.

Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengkaji kepentingan pengajaran reflektif dalam sekolah agar perkembangan profesionalisme guru tidak ketinggalan dalam mengejar dunia pada abad ke-21 yang penuh dengan teknologi serba canggih ini. Kesemua pihak yang terlibat perlulah memantapkan lagi guru-guru dengan cara menambahkan lagi banyak kursus yang melibatkan pengajaran reflektif supaya mengembangkan profesionalisme di samping melahirkan guru yang berprofesional pada masa yang akan datang dalam sekolah.

Rujukan

- Baharuddin Aris (2001). Universiti Teknologi Malaysia's Teacher Education Students Learning About ICT Using ICT. *Innotech Journal*, Vol. 25, No. 2, July to December.
- Blank, R. (2014). A better way to measure: new survey tool gives educators a clear picture of professional learning's impact. *Journal of staff development*, 31 (4), 56–60.
- Boon, P. Y. (2009). Amalan reflektif ke arah peningkatan profesionalisme diri guru. *Jurnal IPBA*, 3(2), 102-109.
- Budiman, Hedi. "Pengajaran Reflektif Mahasiswa Calon Guru Pendidikan Matematika." *Jurnal PRISMA VI*, No. 21 (2017): 132-143.
- Dewey, J. (1933). *How We Think. A Restatement Of The Relation Of Reflective Thinking To The educative Process. Boston. D.C. Heath and Company.*
- Drucker, P (2017). Human Prosperity in a Changing World. Peter Drucker challenge 2017. The future economic man. PDC 2017.
- Gurol, A. (2011). Determining the reflective thinking skills of pre-service teachers in learning and teaching process. *Energy Education Science and Technology Part B: Social and Educational Studies*, 3(3); 387-402.
- Hedberg, P. R. (2009). Learning through reflective classroom practice. *Journal of Management Education*, 33(1); 10-36.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). Laporan awal pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025. <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf> pada 23 Julai 2013.
- Leahy, S., Lyon, C., Thompson, M., & Wiliam, D. (2013). Classroom assessment that keeps learning on track minute-by-minute, day-by-day. *Educational Leadership*, 63(3), 18–24.
- Loughran, J.J. (2002). Effective reflective practice: In search of meaning in learning about teaching. *Journal of Teacher Education*. 53 (1), 33-43.
- Marnita. 2017. Model Pembelajaran Reflektif Learning untuk Meningkatkan Keterampilan Proses Sains dan Penguasaan Konsep Siswa Pokok Bahasan Kalor dan Perpindahannya di Kelas VII MTSN. *Jurnal Pendidikan Al muslim*. Vol.V. Hal. 23-29.
- Mewborn, S. D, (1999). Reflective thinking among preservice elementary mathematics teachers. *Journal for Research in Mathematics Education*. 30(3), 316-342.
- Nurfaidah, Sitti. "Three Attitudes of a Reflective Teacher." *Research and Innovation in Language Learning 1*, no. 1 (2018): 39-48.

- Nurfaidah, Sitti, Nenden Sri Lengkanawati, dan Didi Sukyadi. "Levels of Reflection in EFL Pre-service Teachers' Teaching Journal." *Indonesian Journal of Applied Linguistics* 7, No. 1 (2017): 80-92. doi: 10.17509/ijal.v7i1.6861
- Pollard, A. dan Tann, S. (1990). *Reflective Teaching in The Primary School: A handbook for the classroom*. London: Cassell.
- Rais, Muhammad, dkk. 2019. *Pembelajaran Relaktif Seni Berpikir Kritis, Analitis, dan Kreatif*. Badan Penerbit UNM: Makassar.
- Russell, T. (2005). Can reflective practice be taught? *Reflective Practice: International and Multidisciplinary Perspective*, 6(2); 199-204.
- Schon, D. A. (1987). *Educating the reflective practitioner: toward a new design for teaching and learning the professions*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Stahl, Garth, Erica Sharplin, dan Ben Kehrwald. "Developing Pre-service Teachers' Confidence: Real-time Coaching in Teacher Education". *Reflective Practice*, (2016). doi: 10.1080/14623943.2016.1206882
- Turner, J. C. dan Patrick, H. (2004). Motivational influence on student participation in classroom learning activities. *Teachers College Record*, 106(9), 1759-1785.
- Venkatesh, V., Morris, M. G., Davis, G. B., & Davis, F. D. (2003). User acceptance of information technology: Toward a unified view. *MIS quarterly*, 27, 425-478.
- Zaid, M., Norazmi, N. & Abdul Rasid, A. R. (2020). Headmaster Leadership Effect On Task Load Of Special Education Integration Program Teacher. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(2), 451-456.